

## Memorandum

No. Ruj. : USM.75/23/I Jld.XX

Tarikh : 22 Januari 2024

Kepada : Semua Staf  
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
www.usm.my

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 7 TAHUN 2024

#### - EKSESAIS MELENGKAPKAN MAKLUMAT PERIBADI RAKYAT MALAYSIA DALAM SISTEM PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Dr./tuan/puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) pada 2 Januari 2024 yang merupakan pangkalan data berpusat dan bersepadu berkaitan individu dan isi rumah rakyat Malaysia. Sistem PADU ini mengintegrasikan maklumat dan data daripada pelbagai kementerian dan agensi, termasuk daripada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

3. Matlamat utama pembangunan sistem PADU adalah untuk meningkatkan kecekapan perancangan dasar dan pengagihan sumber, membolehkan kerajaan mengoptimumkan sumber yang terhad untuk pelaksanaan program dan projek sosioekonomi yang lebih produktif dan memberi impak maksimum kepada rakyat. Selain itu, pelaksanaan PADU akan dapat membantu kerajaan memperkukuhkan kedudukan fiskal negara disamping meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

4. Sehubungan itu, pihak Universiti ingin memohon perhatian dan kerjasama **semua staf Universiti ini (warga negara Malaysia sahaja – tetap dan kontrak) supaya dapat melengkapkan maklumat peribadi masing-masing di dalam Sistem PADU di pautan [padu.gov.my](http://padu.gov.my)** dalam tempoh **2 Januari 2024 hingga 31 Mac 2024**.

5. YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Dr./tuan/puan boleh menghubungi **talian khas 1800-88-7721** jika mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini.

6. Perhatian, kerjasama dan tindakan YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Dr./tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)**

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Penasihat Undang-Undang

Tel. : (6)04 653 6070/6071/6108 ; E-Mel : [azizudin@usm.my](mailto:azizudin@usm.my) ; Web : [bsm.usm.my](http://bsm.usm.my)